



**BAHAGIAN PERUMAHAN**  
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Rujukan : SUKNS.700-9/11/8/ Jld 3 ( 33 )  
Tarikh : 16 Mac 2022

**KENYATAAN SEBUT HARGA BAHAGIAN PERUMAHAN**

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB MALAYSIA dalam Gred G1 (BP 08/2022 & 09/2022) Dan G2 (BP 10/2022) dalam kategori pengkhususan B04 dan CE21, dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang masih sah, bagi menjalankan kerja-kerja berikut :


NO SEBUTHARGA	BUTIRAN SEBUTHARGA	GREED CIDB
BP 08/2022	Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang Di RAHR Astana Raja, Daerah Rembau, Negeri Sembilan	Gred : G1 B 04 & CE 21
BP 09/2022	Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang Di RAHR Halacara Baru, Gemas, Daerah Tampin, Negeri Sembilan	
BP 10/2022	Kerja-Kerja Memasang Pagar Di RAHR Padang Lebar, Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan	Gred : G2 B 04 & CE 21

- Kontraktor - kontraktor yang berminat untuk memasuki sebutharga tersebut dimaklumkan bahawa tiada taklimat dan lawatan tapak. Walaubagaimanapun kontraktor digalakkan untuk membuat lawatan tapak sendiri ke tapak berkaitan dengan mengamalkan amalan penjarakkan sosial, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask*. (**SOP KKM**) sebelum mengemukakan tawaran harga dengan lebih tepat.
- Kontraktor yang berminat untuk memasuki sebutharga ini hendaklah membuat pendaftaran secara online melalui 'Google Form' dimana pautan link akan dimuat turun di dalam Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan ([www.ns.gov.my](http://www.ns.gov.my)) pada 23 Mac 2022 (Rabu) bermula jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari sahaja.

4. Borang sebutharga akan mula dijual pada **24 Mac 2022 (Khamis)** sehingga **31 Mac 2022 (Khamis)**. Pembelian borang selepas tarikh tersebut **tidak akan dilayan**. Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang **ASAL** dan masih sah laku hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga. Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut. Dokumen tidak akan dijual sebelum tarikh ini. **Hanya kontraktor yang telah mendaftar melalui 'Google Form' dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari sahaja yang dibenarkan membeli borang. Pendaftaran sebelum atau selepas tarikh dan masa tersebut tidak akan diterima.** Segala butiran dan dokumen boleh didapati semasa waktu pejabat seperti berikut:-

HARI	WAKTU
ISNIN – KHAMIS	8.30 pagi – 12.30 tengahari
	2.30 petang – 4.00 petang
JUMAAT	8.30 pagi - 12.00 tengahari
	2.30 petang – 4.00 petang

5. Sebutharga akan ditutup pada **31 Mac 2022 (Khamis)** jam **12.00 tengahari**. Semua borang sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga, Bahagian Perumahan (BP), Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Kadir, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus**. Dokumen yang dihantar selepas jam 12.00 tengahari, tidak akan diterima.
6. Bayaran sebanyak **RM 50.00** boleh dibuat secara **TUNAI / WANG POS / WANG KIRIMAN POS / DERAH BANK** bagi pembelian setiap dokumen dan hendaklah dibayar di atas nama Bendahari Negeri, Negeri Sembilan.



(ROSLINA BINTI ROSLI)  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Perumahan